



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# Diari 100 Hari KSU KeTSA



Mentransformasikan **Tenaga**  
Melestariakan  
**Sumber Asli Negara**





KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

*Diari*  
**100**  
*Hari*  
KSU KeTSA

Mentransformasikan **Tenaga**  
Melestarikan  
**Sumber Asli** Negara



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# Diari 100 Hari | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA



© Cetakan Pertama 2022

Hak Cipta Terpelihara  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

Tidak dibenarkan mengeluar-ulang mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pihak KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# ISI KANDUNGAN

*Dari 100 Hari* | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA  
MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

Kata Alu-aluan

5

## SEKTOR TENAGA

7

01 Pelaksanaan Kajian Akhir Future Proofing Malaysia Electricity Supply Industry: A Roadmap Way Forward

8

02 Pemasangan Meter Pintar Dan Infrastruktur Komunikasi Yang Berkaitan Di Bawah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI)

9

03 Perlaksanaan Penawaran Kuota Penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Bagi Sumber Biogas, Biojisim Dan Hidrokuasa Kecil Di Bawah Program Feed in Tariff (FiT)

10

04 Penetapan Mekanisme Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Kepada Syarikat Korporat

11

05 Penebusan e-Rebat Di Bawah Program Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE) 3.0

12

06 Pelaksanaan Projek Laos - Thailand - Malaysia - Singapore (LTMS) Power Integration Project

13

07 Penyerahan Projek Sambungan Bekalan Elektrik Sabah Di Bawah RMK-12 Kepada Pelanggan

14

## SEKTOR SUMBER ASLI

15

08 Pembentangan Paindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

16

09 Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bersama Komuniti/Korporat Di Bawah Program Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok

17

10 Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Bagi Membanteras Pencerobohan, Pembalakan Haram Dan Pemburuan Hidupan Liar

18

11 Pemeteraihan Perjanjian Persempadan Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Negeri Sembilan

19

12 Pemeteraihan Memorandum Persefahaman Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

20

13 Pemeteraihan Memorandum Persefahaman Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

21

14 Penggunaan Tanah-Tanah Persekutuan Yang Belum Dibangunkan Melalui Penyewaan Kepada Penerima Yang Berkelayakan Termasuk Graduan

22

15 Pemantapan Urusan Pentadbiran Tanah Secara Elektronik Melalui Sistem e-Tanah

23

- 16 Penjimatan Kos Hasil Daripada Perkongsian Data Melalui Program Infrastruktur Data Geopastial Negara (MyGDI) **24**
- 17 Penyediaan Dokumen Prosedur Operasi Standard Aktiviti Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (SOP NR-REE) Malaysia **25**
- 18 Pembangunan Dan Pengiktirafan Lokasi-lokasi Geologi Berkepentingan Sebagai Geopark Kebangsaan **26**
- 19 Pelaksanaan Program *Reskill Upskill* Latihan Ekopelancongan Sumber Asli **27**
- 22 Penerbitan Bitara Psikologi Tahun 2021 **32**
- 23 Pengambilan Pegawai Secara Kontrak Perkhidmatan (*Contract of Service*) Di Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan (JKPTG) **33**
- 24 Pelaksanaan Inisiatif-Inisiatif Dalam Organisational *Anti-Corruption Plan (OACP)* KeTSA 2021-2024 **34**

## SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

- 20 Pelaksanaan Program Lawatan Turun Padang Bagi Pemantauan Projek Pembangunan **29**
- 21 Pencapaian Penilaian *Outcome* Prestasi Perbelanjaan / Prestasi Projek **30**
- 31 **31**

- Ringkasan Pelan Strategik Kementerian Tenaga Dan Sumber Asli, 2021-2025 **95**

## GAMBAR PROGRAM/AKTIVITI

# KATA ALU-ALUAN

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam  
Keluarga Malaysia**

Dengan penuh keinsafan dan rendah diri, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas keizinan-Nya, penerbitan Diari 100 Hari ini yang merekodkan perjalanan awal tugas utama dan lawatan kepada Bahagian/Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) berjaya diterbitkan.

Dokumentasi bergambar serta catatan pergerakan ini melibatkan rangkuman aktiviti turun ke padang untuk menyantuni warga kerja KeTSA di pelbagai peringkat termasuk Jabatan dan Agensi di bawah KeTSA dalam mendalami kefungsian khusus kepakaran perkhidmatan yang ditawarkan kepada rakyat di samping memupuk ukhuwah bekerja dalam satu pasukan.

Setelah dilantik sebagai KSU KeTSA pada tanggal 25 April 2022, pendekatan utama yang diambil dalam penyelesaian isu-isu semasa memerlukan tindakan pantas dalam membuat keputusan terutamanya yang melibatkan tadbir urus ‘governance’ untuk mudah dihayati dan diterjemahkan ke dalam tindakan susulan yang tepat dan tidak bercanggah dengan peraturan sedia ada yang berkuatkuasa.

KPI 100 hari yang telah dicapai adalah berdasarkan kepada keberhasilan ‘output’ dan ‘outcome’ yang disasarkan. Ini termasuklah kerja-kerja tertangguh dapat diselesaikan serta mampu memberikan persepsi yang terbaik dalam melaksanakan tugas dan mengurangkan karenah birokrasi.

Penerbitan Diari 100 Hari ini diterbitkan sebagai ‘benchmarking’ penghasilan kerja serta potensi masa hadapan yang boleh dicapai dengan kerjasama erat semua pihak berkepentingan.

Tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam mendokumentasikan bahan-bahan dalam penerbitan ini. Semoga warga KeTSA di Kementerian, Jabatan dan Agensi mempersiapkan mental dan fizikal pada tahap tertinggi untuk bersama-sama saya melaksanakan amanah dengan ikhlas demi Agama, Bangsa dan Negara.

**DATO HAJI ROSLI BIN HAJI ISA**

Ketua Setiausaha

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli



A professional headshot of a middle-aged man with short, grey hair and glasses. He is wearing a dark blue suit, a white shirt, and a blue tie with red and gold patterns. A name tag on his lapel reads "ROSLI". He is holding a silver tablet in his hands, looking directly at the camera. The background is a dark blue gradient with a yellow and white diagonal stripe.

ROSLI



*Diari* **100 Hari** | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

---

# SEKTOR TENAGA

---



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# Dari 100 Hari | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

01

## Pelaksanaan Kajian Akhir *Future Proofing Malaysia Electricity Supply Industry (MESI): A Roadmap Way Forward*

### FAEDAH

Kajian ini akan membolehkan cadangan penambahbaikan industri bekalan elektrik negara disediakan melalui penggubalan dasar-dasar dan pelan tindakan.

### KETERANGAN

Pelaksanaan kajian *Future Proofing Malaysia Electricity Supply Industry: A Roadmap Way Forward* bagi memastikan industri elektrik kalis cabaran ke atas teknologi-teknologi disruptif dan mempersiapkan industri bagi menghadapi isu-isu 3D - Decentralization, Digitalization dan Decarbonization.

### SASARAN

1 kajian akhir diterbitkan.

### PENCAPAIAN

MyPOWER sedang memuktamadkan Draf Laporan Akhir Kajian MESI terutamanya bagi memastikan semua maklum balas yang diterima daripada semua sesi libat urus diambil kira dan diterjemahkan dalam pelaksanaan *Future Proofing MESI*.

Bagi tujuan kelulusan laporan, MyPOWER telah membentangkan Draf Laporan Akhir kepada Jawatankuasa Pemandu pada Ogos 2022, seterusnya pembentangan kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah dijadualkan pada September 2022.

Maklum balas dan input daripada kedua-dua mesyuarat tersebut akan diambil kira dan dimasukkan dalam Laporan Akhir Kajian MESI kelak untuk pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri yang dijangka pada akhir tahun 2022.



**02**

## Pemasangan Meter Pintar Dan Infrastruktur Komunikasi Yang Berkaitan Di Bawah Projek Advanced Metering Infrastructure (AMI)

### FAEDAH

1. Merangsang ekonomi dengan mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan dan menyokong perniagaan 4,500 kontraktor, vendor dan pembekal tempatan;
2. Pengguna akan diperkasa untuk memantau dan mengawal sendiri penggunaan elektrik; dan
3. Meningkatkan kecekapan kos dan operasi pihak utiliti.

### KETERANGAN

1. Projek AMI adalah pembangunan suatu sistem bersepadu yang menghubungkan meter pintar yang dipasang di premis pengguna, rangkaian komunikasi dan sistem pengurusan data bagi merealisasikan komunikasi dua hala antara pihak utiliti (TNB) dan pengguna elektrik yang bertujuan memodenkan sistem pembekalan elektrik negara, khususnya di Semenanjung Malaysia; dan
2. Sejumlah RM1,145 juta telah diluluskan daripada peruntukan *capital expenditure (CAPEX)* TNB di bawah mekanisme *Incentive Base Regulation (IBR)*, *Regulatory Period 3 (RP3)* 2022-2024 untuk pemasangan 1.8 juta meter pintar di kawasan Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang sehingga Disember 2024.

### SASARAN

Pemasangan 120,000 meter pintar.

### PENCAPAIAN

Sebanyak 182,717 meter pintar telah dipasang di Lembah Klang (152%).





03

## Perlaksanaan Penawaran Kuota Penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Bagi Sumber Biogas, Biojisim Dan Hidrokuasa Kecil Di Bawah Program Feed in Tariff (FiT)

### FAEDAH

Meningkatkan kepelbagaian penjanaan Tenaga Boleh Baharu (TBB) ke arah pencapaian sasaran 31% kapasiti terpasang TBB menjelang tahun 2025.

### KETERANGAN

Pembukaan tawaran kuota bagi sumber biogas, biojisim dan hidrokuasa kecil di bawah Program *Feed in Tariff (FiT)* oleh SEDA Malaysia untuk mempelbagaikan penjanaan TBB dalam pembekalan elektrik negara ke arah pencapaian sasaran 31% kapasiti terpasang TBB menjelang tahun 2025.

### SASARAN

Penawaran kuota berjumlah 180MW.

### PENCAPAIAN

Penawaran kuota berjumlah 180MV telah diumumkan pada 14 Jun 2022 (100%).



**04**

## **Penetapan Mekanisme Pembekalan Tenaga Boleh Baharu (TBB) Kepada Syarikat Korporat**

### **FAEDAH**

Menarik pelaburan bernilai tinggi oleh syarikat-syarikat korporat ke Malaysia yang perlu memenuhi komitmen *Environmental, Social and Governance (ESG)* bagi mewujudkan peluang ekonomi dan pekerjaan baharu.

### **KETERANGAN**

Penetapan mekanisme bagi membolehkan syarikat-syarikat korporat bernilai tinggi yang perlu memenuhi komitmen ESG mendapat bekalan elektrik daripada sumber TBB sebagai menyokong aspirasi Kerajaan untuk meningkatkan campuran kapasiti TBB negara ke arah pencapaian sasaran 31% kapasiti terpasang TBB menjelang tahun 2025.

### **SASARAN**

Penetapan 1 Mekanisme Pembekalan TBB kepada Syarikat Korporat.

### **PENCAPAIAN**

1 Mekanisme Pembekalan TBB kepada Syarikat Korporat (PPA Maya) telah dipersetujui di peringkat Menteri KeTSA (100%).





KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# *Diasi 100 Hari | KSU KeTSA*

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

05

## **Penebusan e-Rebat Di Bawah Program Sustainability Achieved Via Energy Efficiency (SAVE) 3.0**

### **FAEDAH**

Menggalakkan pengguna membeli peralatan elektrik yang lebih cekap tenaga bagi menyokong inisiatif penjimatkan tenaga negara.

### **KETERANGAN**

Program SAVE 3.0 bertujuan mempromosi amalan penggunaan peralatan elektrik cekap tenaga yang berlabel 4 atau 5 bintang oleh Suruhanjaya Tenaga. SAVE 3.0 menawarkan 6 pilihan peralatan elektrik iaitu peti sejuk, penyaman udara, televisyen, mesin basuh, ketuhar gelombang mikro dan periuk nasi. Anggaran penjimatkan tenaga setahun (kWj/unit) daripada peralatan cekap tenaga di bawah program ini adalah sebanyak 73,455 GWj.

### **SASARAN**

Penebusan 40,000 unit e-rebat.

### **PENCAPAIAN**

Sebanyak 49,683 unit e-rebat telah ditebus (124%).





06

## Pelaksanaan Projek Laos - Thailand - Malaysia - Singapore (LTMS) Power Integration Project

### FAEDAH

1. Mewujudkan jaringan sambung tara elektrik di rantau ASEAN bagi meningkatkan keselamatan bekalan tenaga (energy security);
2. Menggalakkan jual beli tenaga elektrik dalam kalangan negara anggota ASEAN; dan
3. Bayaran caj laluan yang dikenakan akan dimasukkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Industri Elektrik (KWIE) agar dapat digunakan Kerajaan menguruskan impak kenaikan tarif kepada pengguna.

### KETERANGAN

Pelaksanaan Laos - Thailand - Malaysia - Singapore Power Integration Project (LTMS-PIP) yang merupakan satu *flagship project* di bawah ASEAN Power Grid (APG), ASEAN Plan of Action for Energy Cooperation (APAEC). Projek ini bertujuan mewujudkan jaringan sambung tara elektrik di rantau ASEAN bagi meningkatkan keselamatan bekalan tenaga (energy security) melalui semangat kerjasama antara negara anggota ASEAN serta membangunkan strategi dalam menggalakkan jual beli tenaga elektrik dalam kalangan negara ASEAN.

### SASARAN

Pemeteraihan perjanjian sambung tara di antara Malaysia, Thailand dan Laos dan permulaan penyaluran bekalan elektrik sehingga 100MW dari Laos ke Singapura.

### PENCAPAIAN

1. Perjanjian sambung tara antara Malaysia, Thailand dan Laos telah dimeterai pada 23 Jun 2022; dan
2. Penyaluran bekalan elektrik sehingga 100MV dari Laos ke Singapura telah bermula pada 24 Jun 2022 (100%).





KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# Dari 100 Hari | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

07

## Penyerahan Projek Sambungan Bekalan Elektrik Sabah Di Bawah RMK-12 Kepada Pelanggan

### FAEDAH

Meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat melalui capaian bekalan elektrik yang berdaya harap.

### KETERANGAN

Projek pembangunan sambungan bekalan elektrik yang telah siap diserahkan kepada pelanggan.

### SASARAN

Penyerahan 2 projek Sambungan Bekalan Elektrik.

### PENCAPAIAN

2 projek telah siap dan diserahkan pada 29 Julai 2022 (100%).



*Diari* **100 Hari** | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

---

# SEKTOR SUMBER ASLI

---



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# *Diari 100 Hari | KSU KeTSA*

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

08

## Pembentangan Pindaan Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313]

### FAEDAH

1. Memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian Hutan Simpan Kekal;
2. Memantapkan penguatkuasaan hutan bagi membanteras kegiatan pengambilan hasil hutan tanpa kebenaran; dan
3. Meningkatkan kadar denda dan hukuman serta penalti tambahan bagi membendung kesalahan hutan yang merosakkan alam sekitar.

### KETERANGAN


Pindaan ke atas Akta 313 dilaksanakan bagi memastikan kerangka perundungan perhutanan negara bergerak seiring dengan perkembangan semasa yang mencakupi aspek-aspek pencegahan pengambilan hasil hutan secara haram serta menambah baik dan memantapkan pengurusan kawasan Hutan Simpanan Kekal.

### SASARAN

Pembentangan Rang Undang-Undang Pindaan Akta 313 di Dewan Rakyat (Bacaan Kedua).

### PENCAPAIAN

Pembentangan Rang Undang-Undang Pindaan Akta 313 di Dewan Rakyat (Bacaan Kedua) telah selesai pada 18 Julai 2022 (100%).



**09**

## Pelaksanaan Program Penanaman Pokok Bersama Komuniti/Korporat Di Bawah Program Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok

### FAEDAH

Memastikan komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan dilitupi hutan dan pokok-pokok dapat dicapai.

### KETERANGAN

Program Penghijauan Malaysia: Penanaman 100 Juta Pokok merupakan inisiatif yang dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, jabatan, agensi kerajaan, syarikat swasta dan korporat, badan bukan kerajaan, institusi-institusi pendidikan dan orang awam. Program ini bermatlamat bagi meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kawasan berhutan dan memupuk semangat cintakan hutan kepada segenap lapisan masyarakat.

### SASARAN

Pelaksanaan 3 program Penanaman Pokok Bersama Komuniti/Korporat.

### PENCAPAIAN

16 program telah dilaksanakan (533%).



**10**

## Pelaksanaan Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) Bagi Membanteras Pencerobohan, Pembalakan Haram Dan Pemburuan Hidupan Liar

### FAEDAH

Operasi Bersepadu Khazanah (OBK) yang dijalankan secara berterusan ini mampu untuk mengekang aktiviti-aktiviti jenayah alam sekitar di lapangan seterusnya dapat memastikan 9 tindakan strategik bagi menyelamatkan spesies Harimau Malaya dapat dijayakan.

### KETERANGAN

1. OBK diperkenalkan bertujuan untuk membanteras pencerobohan, pembalakan haram serta pemburuan hidupan liar. OBK melibatkan kerjasama bersepadu Jabatan PERHILITAN bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) terutamanya pasukan taktikal seperti Senoi Praaq di bawah Pasukan Gerakan Am (PGA), Pasukan Cawangan Risikan dan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (JKDNKA), PDRM dan pelbagai kerjasama berbentuk *intelligence sharing* antara ketiga-tiga jabatan penguatkuasaan yang terlibat.
2. Pengukuhan pelaksanaan BP3 yang merangkumi Operasi OBK di seluruh 8 *Tiger Range States* (TRS) iaitu Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Kelantan dan Terengganu.

### SASARAN

3 siri OBK dilaksanakan.

### PENCAPAIAN

3 siri OBK telah dilaksanakan (100%).



**11**

## Pemeteraihan Perjanjian Persempadan Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Negeri Sembilan

### FAEDAH

Jajaran sempadan negeri dapat dimuktamadkan seterusnya membolehkan Kerajaan Negeri merancang dan melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan sempadan bagi meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat negeri masing-masing.

### KETERANGAN

1. MoU-3 (Memorandum Persefahaman Setuju Terima Hasil Penandaan dan Pengukuran) dan Perjanjian Sempadan Darat perlu dimeterai bagi memuktamadkan jajaran sempadan darat Negeri Selangor dan Negeri Sembilan sepanjang 111.7 kilometer yang telah siap ditanda dan diukur; dan
2. MoU-3 dan Perjanjian Sempadan ini ditandatangani oleh Menteri Besar kedua-dua negeri sebagai penandatangan, sementara Setiausaha Kerajaan (SUK) bagi kedua-dua negeri pula akan menandatangani sebagai saksi.

### SASARAN

MoU-3 dan Perjanjian Sempadan Darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan dimeterai.

### PENCAPAIAN

MoU-3 dan Perjanjian Sempadan Darat antara Negeri Selangor dan Negeri Sembilan telah dimeterai pada 4 Julai 2022 (100%).



**12**

## Pemeteraihan Memorandum Persefahaman Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Putrajaya

### FAEDAH

Memorandum Persefahaman (MoU) ini merupakan satu langkah ke arah memuktamadkan jajaran sempadan antara kedua-dua negeri.

### KETERANGAN

1. Jarak sempadan antara Negeri Selangor - Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah kira-kira 43.803 kilometer. Sepanjang 14.131 kilometer telah selesai ditanda dan diukur. MoU-1 (Memorandum Persefahaman Setuju Terima Ukuran Sedia Ada) dan MoU-2 (Memorandum Persefahaman Setuju Hasrat Penandaan dan Pengukuran) perlu dimeterai bagi membolehkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran bagi baki sempadan sepanjang 29.672 kilometer diteruskan; dan
2. Kedua-dua MoU ini ditandatangani oleh Menteri Besar Selangor dan Ketua Setiausaha Negara sebagai penandatangan, sementara Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan akan menandatangani sebagai saksi.

### SASARAN

MoU-2 antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dimeterai.

### PENCAPAIAN

MoU-1 dan MoU-2 antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya telah dimeterai pada 13 dan 24 Jun 2022 (100%).



**13**

## Pemeteraihan Memorandum Persefahaman Bagi Sektor Sempadan Darat Antara Negeri Selangor Dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

### FAEDAH

MOU ini merupakan satu langkah ke arah memuktamadkan jajaran sempadan antara kedua-dua negeri.

### KETERANGAN

1. MoU-2 (Memorandum Persefahaman Setuju Hasrat Penandaan dan Pengukuran) perlu dimeterai bagi membolehkan kerja-kerja penandaan dan pengukuran jajaran sempadan darat antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dimulakan. MoU-1 tidak perlu ditandatangani kerana sempadan Selangor - Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (kira-kira 108.1 kilometer) belum pernah diukur sebelum ini; dan
2. MoU ini ditandatangani oleh Menteri Besar Selangor dan Ketua Setiausaha Negara sebagai penandatangan, sementara Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor dan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan akan menandatangani sebagai saksi.

### SASARAN

MoU-1 dan MoU-2 antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya dimeterai.

### PENCAPAIAN

MoU-2 antara Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya Kuala Lumpur telah dimeterai pada 13 dan 24 Jun 2022 (100%).



**14**

## Penggunaan Tanah-tanah Persekutuan Yang Belum Dibangunkan Melalui Penyewaan Kepada Penerima Yang Berkelayakan Termasuk Graduan

### FAEDAH

Memberikan akses kepada pengusaha/agroprenuer bagi mengusahakan tanah persekutuan yang belum dibangunkan untuk menjana pendapatan dan seterusnya membantu pertumbuhan ekonomi.

### KETERANGAN

Lot tanah Persekutuan yang belum dibangunkan akan dikenalpasti terlebih dahulu kesesuaian daripada segi lokasi dan keadaan tanah untuk disewakan seterusnya diusahakan oleh penerima yang layak. Antara cadangan yang bersesuaian adalah program *agropreneur* bagi mengusahakan tanah melalui tanaman yang memberi pulangan singkat serta program lain yang tidak melibatkan pembangunan fizikal (struktur kekal) di atas tanah.

### SASARAN

25 lot tanah yang belum dibangunkan ditawarkan penyewaan kepada penerima yang berkelayakan.



### PENCAPAIAN

25 lot tanah yang belum dibangunkan telah ditawarkan penyewaan kepada penerima yang berkelayakan (100%).





15

## Pemantapan Urusan Pentadbiran Tanah Secara Elektronik Melalui Sistem e-Tanah

### FAEDAH

Sistem bersepadu ini dibangunkan bagi memodenkan sistem penyampaian perkhidmatan secara digital untuk perkhidmatan urusan pentadbiran tanah yang lebih pantas, telus dan efektif di negeri-negeri.

### KETERANGAN

1. Kerajaan Persekutuan telah bersetuju melaksanakan peluasan Sistem e-Tanah ke pentadbiran tanah 8 Negeri dan 2 Wilayah Persekutuan iaitu Negeri Perak, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Labuan, Terengganu, Selangor, Pahang, Perlis, Johor, Kelantan serta Kedah secara Kerjasama Awam Swasta (PPP) selepas kejayaan pelaksanaan Sistem e-Tanah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur; dan
2. Pelaksanaan Sistem e-Tanah secara PPP adalah secara berperingkat di setiap negeri dimulai dengan kajian awal, penyediaan dan rundingan perjanjian konsesi, pemeteraian perjanjian konsesi, pembangunan sistem dan seterusnya pengoperasian sistem (*go live*).

### SASARAN

1 Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta dimeterai bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan syarikat konsesi.

### PENCAPAIAN

- 1 Perjanjian Konsesi Sistem e-Tanah secara Kerjasama Awam Swasta bersama Kerajaan Negeri Terengganu dan syarikat konsesi telah dimeterai pada 29 Jun 2022 (100%).



**16**

## Penjimatan Kos Hasil Daripada Perkongsian Data Melalui Program Infrastruktur Data Geopastial Negara (MyGDI)

### FAEDAH

1. Mengelakkan pertindihan dalam perolehan, pengumpulan, penyimpanan, penyebaran data geospatial dalam kalangan agensi kerajaan; dan
2. Menjimatkan kos operasi dan pengurusan bagi menguruskan maklumat-maklumat geospatial dalam kerajaan.

### KETERANGAN

1. Penjimatan kos hasil tidak dituntut melalui perkongsian data di bawah program MyGDI dengan mengambil kira jumlah keseluruhan lapisan-lapisan data yang dimohon serta perkongsian data melalui platform atas talian (*web services*); dan
2. Perkongsian data di bawah Program MyGDI melibatkan perkongsian bersama agensi awam persekutuan, agensi awam negeri dan akademia. Penjimatan direkod pada tahun 2021: RM31.12 juta (purata RM2.5 juta/bulan).

### SASARAN

RM7.5 juta.

### PENCAPAIAN

RM17.5 juta penjimatan (233%).

The screenshot shows the official website for the National Geospatial Centre (KeTSA) at [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my). The header includes language options (EN, BM), a search bar, and a menu icon. The main banner features a photograph of a multi-level highway interchange surrounded by greenery, with the text "GEOSPATIAL BRING YOU HERE". Below the banner, there is a section titled "Mengenai MyGDI" which provides information about the National Geospatial Infrastructure (MyGDI). The footer contains navigation links and social media icons.

**Mengenai MyGDI**

Infrastruktur Data Geospatial Negara (MyGDI), merupakan satu program nasional bagi membangunkan infrastruktur perkongsian data geospatial antara agensi-agensi pembekal dan pengguna data geospatial.



17

## Penyediaan Dokumen Prosedur Operasi Standard Aktiviti Perlombongan Unsur Nadir Bumi Bukan Radioaktif (SOP NR-REE) Malaysia

### FAEDAH

Meningkatkan kawalan terhadap aktiviti perlombongan agar dijalankan secara cekap dan teratur menepati prinsip perlombongan bertanggungjawab dan mampan.

### KETERANGAN

1. Dokumen SOP NR-REE di Negeri Perak telah diluluskan di peringkat Mesyuarat Jemaah Menteri pada 2 Disember 2021 dan Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Perak pada 9 Disember 2021;
2. SOP NR-REE di Negeri Perak telah dimuktamadkan melalui sesi pertemuan Menteri KeTSA dengan Menteri Besar Perak pada 15 April 2022;
3. Pelaksanaan seterusnya pemakaian SOP ini akan diperluaskan ke negeri-negeri lain melalui penyediaan SOP Aktiviti Perlombongan NR-REE Malaysia; dan
4. SOP Aktiviti Perlombongan NR-REE Malaysia sedang disediakan di peringkat Kementerian dan proses penyemakan SOP ini akan diadakan melalui sesi libat urus bersama Pihak Berkuasa Negeri.


### SASARAN

Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri SOP Aktiviti Perlombongan NR-REE Malaysia.

### PENCAPAIAN

Draf awal SOP NR-REE di Malaysia telah disediakan dan sesi libat urus bersama Pihak Berkuasa Negeri telah diadakan pada 21 Julai 2022.

Pembentangan Memorandum Jemaah Menteri akan dibuat selepas tempoh pelaksanaan SOP NR-REE di tapak perintis dimuktamadkan pada akhir Oktober 2022.





KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# Diari 100 Hari | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

18

## Pembangunan Dan Pengiktirafan Lokasi-lokasi Geologi Berkepentingan Sebagai Geopark Kebangsaan

### FAEDAH

Meningkatkan tahap pemeliharaan khazanah dan warisan sumber alam semula jadi dan menyokong pembangunan mampan dan sosioekonomi komuniti setempat.

### KETERANGAN

Program Pembangunan Geopark Kebangsaan adalah usaha Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama Kerajaan Negeri untuk memelihara khazanah dan warisan sumber semula jadi, iaitu kawasan geologi berkepentingan yang memiliki nilai luar biasa kebangsaan (*National Outstanding Values, NOV*) secara mampan dan bertanggungjawab. Geotapak yang memenuhi kriteria ditetapkan dan melepassi penilaian akan diperakukan sebagai Geopark Kebangsaan oleh Jawatankuasa Geopark Kebangsaan KeTSA.

### SASARAN


Pengiktirafan 1 Geopark Kebangsaan yang baharu Sarawak Delta Geopark.

### PENCAPAIAN

Pengiktirafan 1 Geopark Kebangsaan yang baharu Sarawak Delta Geopark pada 20 Jun 2022 (100%).



Sarawak Delta Geopark





# Diari 100 Hari | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

19

## Pelaksanaan Program *Reskill Upskill* Latihan Ekopelancongan Sumber Asli

### FAEDAH

1. Meningkatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran dalam kalangan komuniti setempat yang berminat menceburi industri ekopelancongan sumber asli;
2. Melahirkan komuniti yang mempunyai kesedaran mengenai tanggungjawab menjaga khazanah biodiversiti dan sumber asli negara; dan
3. Penggiat industri pelancongan yang berkemahiran tinggi dapat menjadi nilai tambah kepada industri pelancongan, seterusnya menyumbang kepada limpahan ekonomi kepada masyarakat dan negara.

### KETERANGAN

Program ini bertujuan membekalkan kemahiran dan latihan semula (*reskilling and upskilling*) kepada kumpulan sasaran komuniti setempat yang berminat menceburi sektor ekopelancongan sumber asli. Kursus-kursus utama yang disediakan adalah seperti Kursus Pemandu Pelancong Alam Semula Jadi (*Nature Guide*), Kursus Malim Gunung Perhutanan, Kursus Jurupandu Geopark dan Program Pembangunan Ekopelancongan Berasaskan Komuniti (CBET) bertujuan meningkatkan pengetahuan dan pembangunan kemahiran peserta untuk menceburi kerjaya dalam sektor ekopelancongan sumber asli di samping sebagai nilai tambah kepada penggiat industri sedia ada.

### SASARAN

500 peserta mengikuti latihan.

### PENCAPAIAN

967 peserta mengikuti latihan (193%).



A professional headshot of a middle-aged man with short, grey hair and glasses. He is wearing a dark blue suit, a white shirt, and a blue tie with red and gold patterns. A name tag on his lapel reads "ROSLI". He is holding a silver tablet in his hands, looking directly at the camera. The background is a dark blue gradient with a yellow and white diagonal stripe.

ROSLI



*Diari* **100 Hari** | KSU KeTSA

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

---

# SEKTOR KHIDMAT PENGURUSAN

---



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# *Diari 100 Hari | KSU KeTSA*

25 APRIL - 2 OGOS 2022

MENTRANSFORMASIKAN TENAGA MELESTARIKAN SUMBER ASLI NEGARA

20

## Pelaksanaan Program Lawatan Turun Padang Bagi Pemantauan Projek Pembangunan

### FAEDAH

Menangani isu-isu projek yang bermasalah di peringkat akar umbi sekaligus membantu meningkatkan prestasi pelaksanaan projek berkaitan.

### KETERANGAN

